Sinar harian — suara cakna komuniti anda

HARI : SABTU

TARIKH : 29/6/2019

M/SURAT : 13

# Minyak RON97 naik 11 sen

**PUTRAJAYA** - Harga runcit bagi minyak petrol RON97 naik sebanyak 11 sen seliter iaitu daripada RM2.38 seliter kepada RM2.49 seliter berkuatkuasa bagi tempoh 29 Jun 2019 sehingga 5 Julai 2019.

Kementerian Kewangan berkata, penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan dibuat dengan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

"Bagi harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.08 seliter dan harga runcit diesel kekal pada paras RM2.18 seliter," katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

